

15 OCT 1997

Mokhtar-Bilic

ISU GAJI MARCO BILIC AKAN DISELESAIKAN OLEH PBSNT

KUALA TERENGGANU, 15 Okt (Bernama) -- Isu gaji bekas jurulatih import Terengganu, Marco Bilic akan diselesaikan oleh Persatuan Bolasepak Negeri Terengganu (PBSNT).

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata pada masa sekarang jurulatih dari Bosnia dan Hezergovina itu masih berada di negeri ini dan para pegawai PBSNT akan berjumpa dengannya untuk menyelesaikan masalah tuntutan gaji itu.

"Kita akan menyelesaikan masalah itu secepat mungkin," kata Wan Mokhtar yang juga Presiden PBSNT kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Isu ini dibangkitkan oleh Naib Presdient PBSNT Wahid Abdullah pada 28 September lalu yang meminta supaya persatuan menjelaskan hutangnya sebanyak RM30,000 kepada Bilic bagi membolehkan jurulatih itu kembali ke negara asalnya secepat mungkin.

Menurut Wahid, beliau telah berikhtiar untuk menjelaskan tunggakan gaji jurulatih itu berjumlah RM65,000 iaitu sebanyak RM35,000 telah dibayar oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan selebihnya adalah tanggungjawab PBSNT untuk membayarnya.

Wahid mendakwa beliau tidak pasti apa masalah yang dihadapi oleh PBSNT untuk menjelaskan gaji jurulatih itu sedangkan persatuan mempunyai wang untuk berbuat demikian.

Bilic mula menjadi jurulatih pasukan Liga Perdana Terengganu pada akhir 1992 untuk digandingkan dengan jurulatih tempatan, Abdullah Mohamad.

Sebelum ini, Bilic pernah membimbing skuad Melaka dalam mengharungi Liga Perdana.

Sepanjang di Terengganu, Bilic dikatakan pernah dilantik sebagai ketua jurulatih dan juga anggota jawatankuasa teknikal persatuan itu, manakala dalam Liga Perdana musim ini, Bilic dilantik sebagai jurulatih kepada penjaga gol skuad Terengganu.

Mengenai mesyuarat agung PBSNT pula, Wan Mokhtar berkata ia akan diadakan secepat mungkin setelah beberapa kali ditunda.

Wan Mokhtar menafikan dakwaan bahawa PBSNT sedang melihat pemain import dari benua Amerika Selatan bagi persiapan skuad "Penyu" itu dalam mengharungi Liga Perdana tahun depan.

Dakwaan itu mengatakan beliau kemungkinan melihat beberapa pemain dari benua itu semasa menyertai rombongan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke empat negara di benua itu bulan lepas. -- BERNAMA

SBS FAZ